

Disediakan untuk : _____

Tarikh Dicetak : _____

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Motosikal Plus. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syaratam).

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance (Company) Malaysia Berhad ("Kami")
Nama Produk : Motosikal Plus
1. Apakah produk ini?

Motosikal Plus hanya boleh diguna pakai bagi motosikal dengan 250cc dan ke bawah, dan menyediakan perlindungan seperti berikut:

Perlindungan Komprehensif

Polisi ini memberi perlindungan liabiliti ke atas pihak lain untuk kematian atau kecederaan badan, kerosakan harta pihak lain dan kemalangan atau kerosakan kebakaran terhadap kenderaan anda atau kecurian terhadap kenderaan anda, bencana khas, pendapatan hospital dan kematian/hilang upaya kekal.

Perlindungan Pihak Ketiga

Polisi ini memberi perlindungan liabiliti ke atas pihak lain untuk kematian atau kecederaan badan, kerosakan harta pihak lain, pendapatan hospital dan kematian/hilang upaya kekal.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Perlindungan	Motosikal Plus Komprehensif	Motosikal Komprehensif
Kehilangan atau kerosakan terhadap kenderaan sendiri disebabkan kemalangan, kebakaran atau kecurian	✓	✓
Kematian pihak ketiga atau kecederaan badan	✓	✓
Kehilangan atau kerosakan harta terhadap pihak ketiga	✓	✓
Bencana Khas	✓	
* Kematian/Hilang Upaya Kekal	✓	
* <u>Pendapatan Hospital</u>	✓	

 * Hanya diguna pakai kepada pemilik berdaftar Motosikal yang merupakan individu dan bukan badan korporat.
Perlindungan Komprehensif

- Kehilangan atau kerosakan terhadap kenderaan sendiri disebabkan kemalangan, kebakaran atau kecurian.
- Kematian pihak ketiga atau kecederaan badan
- Kehilangan atau kerosakan harta terhadap pihak ketiga.
- Bencana Khas (bagi motosikal dengan 250cc dan ke bawah sahaja) - untuk perbelanjaan yang dilakukan untuk membaiki motosikal Anda akibat bahaya khas seperti banjir, taufan, ribut, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain.
- *Pendapatan Hospital (bagi motosikal dengan 250cc dan ke bawah sahaja) - jika kecederaan yang dialami akibat Kemalangan Motosikal Anda.
- *Kematian/Hilang Upaya Kekal (bagi motosikal dengan 250cc dan ke bawah sahaja) – jika Kematian/Hilang Upaya Kekal yang dialami akibat Kemalangan Motosikal semasa menunggang motosikal Anda.

Perlindungan Pihak Ketiga

- Kematian Pihak Ketiga atau kecederaan badan
- Kehilangan atau kerosakan harta terhadap Pihak Ketiga.
- *Pendapatan Hospital (bagi motosikal dengan 250cc dan ke bawah sahaja) - jika kecederaan yang dialami akibat Kemalangan Motosikal Anda.
- *Kematian/Hilang Upaya Kekal (bagi motosikal dengan 250cc dan ke bawah sahaja) – jika Kematian/Hilang Upaya Kekal yang dialami akibat Kemalangan Motosikal Anda.

Nota: Sila rujuk maklumat lengkap, manfaat dan jadual manfaat didalam kontrak polisi.

Manfaat pilihan (jika ada) anda boleh beli dengan membayar premium tambahan:

Perlindungan Komprehensif

- Mogok, Rusuhan atau Kekacaun Awam.
- Liabiliti Pembonceng.
- Perluasan Perlindungan ke Thailand dan Kalimantan

Perlindungan Pihak Ketiga

- Liabiliti Pembonceng.
- Perluasan Perlindungan ke Thailand dan Kalimantan.

Senarai ini bukannya lengkap. Sila rujuk kepada cawangan/atau wakil insurans untuk senarai penuh bagi perlindungan pilihan yang ada

NOTA:

- (i) Adalah menjadi kesalahan dibawah undang-undang Singapura untuk memasuki negaranya tanpa mempunyai Perlindungan Liabiliti Pembonceng.
- (ii) Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung pada keupayaan enjin, nilai insurans kenamaan anda, kelayakan diskaun tanpa tuntutan (NCD) dan keperluan pengunderitan syarikat insurans.

- Perlindungan normal : RM_____ premium untuk jumlah yang diinsuranskan RM_____
- Perlindungan tambahan : RM_____
- Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar adalah : RM_____

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
● Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	● 10% daripada premium kasar
● Duti Setem	● RM10.00
● Cukai Perkhidmatan	● 6% of daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kepentingan pendedahan**
 - **Kontrak Insurans Pengguna**
Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**
Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak diguna pakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. **Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.**

- Anda harus memastikan jumlah yang diinsuranskan adalah berpatutan.
- Lebihan – Lebihan Wajib dan Lebihan Lain Jumlah yang perlu ditanggung oleh pemegang polisi jika berlaku tuntutan.
- Pembayaran sebelum perlindungan – Premium hendaklah dibayar dan diterima oleh Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad sebelum perlindungan sah. Insurans secara automatik akan menjadi tak sah dan tak laku jika syarat ini tidak dipenuhi.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Liabiliti terhadap pembonceng
- Tanggungan Anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan Anda; dan
- Penunggang tidak dibenarkan
- Pembunuhan provokasi atau penyerangan

Nota: Senarai ini bukannya lengkap. Sila rujuk kepada contoh polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada syarikat insurans. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium berdasarkan pro-rata jika kenderaan anda telah diinsuranskan secara berterusan untuk lebih dari dua belas (12) bulan atau pada kadar tempoh singkat jika kenderaan anda tidak diinsuranskan secara berterusan untuk lebih dari pada dua belas (12) bulan dengan syarikat yang sama. Mana-mana premium minimum yang dibayar dibawah polisi ini tidak boleh dipulangkan sama sekali. Pemulangan premium adalah dibenarkan jika tiada sebarang tuntutan dibuat sepanjang tempoh insurans semasa.

Tidak ada bayaran balik premium bagi sebarang pembatalan Polisi oleh anda jika pembatalan melebihi 8 bulan seperti lampiran jadual dibawah.

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada premium tahunan
Melebihi 8 bulan	Bayaran balik premium tidak dibenarkan

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran untuk dihubungi atau peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan lebih maklumat mengenai insurans motor, sila rujuk kepada buku panduan info-insurans mengenai "Insurans Motor" yang boleh didapati dari semua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara insurans anda atau layari laman www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542
E-mel: customer.service@allianz.com.my
AllianzMalaysia
allianz.com.my

10. Lain-lain jenis insurans motor yang ada:

- Perlindungan Motosikal Komprehensif
- Perlindungan Motosikal Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN JUMLAH YANG SEPATUTNYA KERANA MELIBATKAN JUMLAH TUNTUTAN YANG ANDA BOLEH TUNTUT. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI TERUS UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Informasi yang disediakan ini sah laku dari 17/07/2021.